

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PERMATANG PAUH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pemilih berdaftar mengikut negeri dan kawasan Parlimen dan apakah perkembangan terkini ke arah persempadanan semula.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Kedua Tahun 2014 yang telah dikemaskini sehingga 15 September 2014 dan diwartakan pada 24 September 2014, jumlah keseluruhan pemilih yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sehingga Suku Tahun Kedua 2014 adalah sebanyak **13,399,556** orang pemilih.

Terdapat pertambahan dan pengurangan di kalangan pemilih bagi kawasan Parlimen di seluruh negara pada setiap suku tahun. Daftar Pemilih Induk dan Daftar Pemilih Tambahan bagi setiap suku tahun yang merangkumi jumlah keseluruhan pemilih boleh diperolehi di ibu pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya di Putrajaya dan juga di semua Pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-

Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut Perenggan (iii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Sekian. Terima kasih.